



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 27 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **42 kes yang telah pulih** dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,083 kes** (79.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 27 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **15 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,619 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,421 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai lapan (8) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, empat (4) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada kes kematian** berkaitan COVID-19 dilaporkan hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **115 kes** (1.51 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ingin dimaklumkan daripada 15 kes baru yang dilaporkan, enam (6) kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada sembilan (9) kes penularan tempatan pula, empat (4) kes adalah bukan warganegara Malaysia.

MASYARAKAT HARUS WASPADA TERHADAP PENURUNAN KES TEMPATAN COVID-19

Berdasarkan laporan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sebanyak **5,559,130 kes COVID-19** telah dicatatkan di seluruh dunia sehingga 26 Mei 2020. Daripada jumlah ini sebanyak **348,610 kes kematian** telah dilaporkan setakat ini. Pandemik ini dilihat semakin serius dan masih jauh dari berakhir. Setakat ini, negara Malaysia telah menyumbang kepada 0.14 peratus daripada jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 dari seluruh dunia.

Setelah peningkatan jumlah kes COVID-19 yang dilihat beberapa hari lalu di Malaysia, hari ini didapati kes baharu telah berkurang kembali kepada dua angka. Daripada jumlah kes baharu hari ini iaitu 15 kes, sebanyak lima **(5) kes adalah penularan tempatan di kalangan warganegara Malaysia.** Peningkatan kes positif COVID-19 yang dilaporkan sejak beberapa hari lepas adalah disebabkan oleh pengesanan kes-kes COVID-19 di beberapa Depot Tahanan Imigresen (DTI) dan lain-lain kluster aktif yang melibatkan bukan warganegara Malaysia. Ini adalah susulan tindakan pendekatan tertumpu (*targeted approach*) Kerajaan dalam membendung penularan kes COVID-19.


Penurunan kes COVID-19 penularan tempatan ini adalah selaras dengan unjuran sebelum ini oleh KKM, dan adalah hasil tindakan-tindakan kesihatan awam yang telah dilaksanakan sejak satu bulan lepas semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan seterusnya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Penurunan ini turut dibantu dengan pematuhan orang ramai terhadap norma dan kelaziman baharu, serta Prosedur Standard Operasi (SOP) yang telah ditetapkan bagi pelbagai sektor dan industri.

Namun begitu, KKM khuatir mungkin akan berlakunya peningkatan kes COVID-19 susulan pergerakan orang ramai melalui aktiviti kunjung-mengunjung, merentas negeri dan pergaulan di kalangan masyarakat semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri ini.

Daripada maklumat yang diperolehi semasa Sidang Akhbar YB Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), didapati sebanyak 2,449,556 kenderaan telah diperiksa oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari 16 Mei 2020 sehingga kini. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 18,303 kenderaan yang cuba merentas negeri atas alasan mahu pulang ke kampung dan telah diarah berpatah balik oleh PDRM. Syabas diucapkan kepada pihak PDRM atas usaha ini.



Jadual 1: Jumlah kenderaan diperiksa merentas negeri (16-27 Mei 2020)



Jadual 2: Jumlah kenderaan cuba merentas negeri (16-27 Mei 2020)

Sewajarnya, ia adalah tanggungjawab kita bersama untuk melakukan segala usaha yang diperlukan dalam menangani dan membendung penularan jangkitan COVID-19 di negara kita. Sekiranya masyarakat leka, tidak patuh dan engkar kepada SOP yang ditetapkan, KKM menjangkakan akan berlakunya peningkatan kes COVID-19 yang mendadak yang seterusnya boleh mengakibatkan gelombang yang baharu bagi wabak COVID-19 di Negara kita.

Oleh itu, masyarakat harus berwaspada dan tidak mengambil mudah situasi penurunan kes ini. Seperti yang KKM maklumkan sebelum ini, peperangan menghadapi virus COVID-19 ini masih belum tamat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Justeru, KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya patuh kepada segala nasihat dan saranan yang sering ditekankan Kerajaan. Jadikanlah amalan-amalan berikut sebagai norma dan kebiasaan baharu dalam kehidupan seharian, antaranya:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat penutup

hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elak bersalaman / bersentuhan;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan amalan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S**: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O**: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P**: Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan

memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

27 Mei 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1

BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 27 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	255
SELANGOR	5 (3)	1,843
NEGERI SEMBILAN	0	793
MELAKA	0	216
JOHOR	0	671
PAHANG	0	344
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	1	344
SARAWAK	3	552
W.P. KUALA LUMPUR	6 (3)	1,990
W.P. PUTRAJAYA	0	93
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	15 (6)	7,619

*() adalah merujuk kepada kes-kes import